

# sekata

JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

- \* Kata Seerti dan Kata Berlawan dalam bahasa Melayu
- \* Aspek-aspek Tatabahasa dalam Pertuturan dan Penulisan Bahasa Baku
- \* Metode Mengarang dengan Menggunakan Kekuatan Pancaindera

JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, SINGAPURA

JILID 1 BILANGAN 3  
JUN 1985

ISSN 0217 - 4626  
— RAMADHAN 1405

**ANGGOTA JAWATANKUASA  
BAHASA MELAYU  
SINGAPURA**

Hj Wan Hussin Zoohri (Pengerusi)  
Almuddin Hashim  
(Setiausaha Kht.)  
Haji Sidek Saniff  
Haji Muhammad Ariff Ahmad  
Haji Zainul Abidin Rasheed  
Haji Suratman Markasan  
Haji Abdul Rahman Tahir  
Dr Liaw Yock Fang  
Drs Masran Sabran  
Kasmadi Haji Nasir  
Sardi Shariff  
Norulashikin Jamain  
Yatiman Yusoff  
Ahmad Thani Ahmad  
Harun A. Ghani  
Mohd Gani Ahmad  
Hashim Yusof

**SEKATA**

JIL 2 – BIL 3 – JUN 1985

**KETUA EDITOR**

Suratman Markasan

**EDITOR**

Muhammad Ariff Ahmad  
Mohammad Gani Ahmad

SEKATA diterbitkan setahun dua kali, tiap-tiap bulan Jun dan Disember oleh Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini bukanlah pendapat Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran dari Pengerusi JBMS atau Sidang Editor.

Surat-surat boleh dialamtkan kepada:

Setiausaha Kehormat  
Jawatankuasa Bahasa Melayu  
Singapura,  
Kementerian Perhubungan &  
Penerangan,  
Dewan Bandaraya,  
St. Andrew's Road  
Singapura 0617.

**SEKATA**

Jun 1985 \* Ramadhan 1405

2 Daripada Editor

*Masalah Bahasa*

MUHAMMAD ARIFF AHMAD

4 Kata Seerti dan Kata Berlawan dalam bahasa Melayu

*Pengetahuan Bahasa*

AWANG SARIYAN

9 Aspek-aspek Tatabahasa dalam Pertuturan dan Penulisan Bahasa Baku

9 Aspek-aspek Tatabahasa dalam Pertuturan dan Penulisan Bahasa Baku

*Pengajaran Bahasa*

MOHAMMED LATIFF MOHAMMED

21 Aspek Pengajaran dan Pembelajaran Peribahasa  
SURATMAN MARKASAN

24 Metode Mengarang dengan Menggunakan Kekuatan Pancaindera

39 Pertanyaan Mengenai Bahasa

43 Senarai Kata Yang Sering Disalahjejakkan

45 Antara keluaran akan datang

Pembetulan

Pengumuman

## Daripada editor

Bahasa Melayu yang digunakan di Singapura adalah sama dengan yang digunakan di Malaysia, sama ada tentang tatabahasa, ejaan mahupun tentang pilihan kekata umumnya. Dengan bahasa Indonesia, memang bahasa Melayu kita, walaupun tidak jauh bezanya tetapi tidak dapat dinafikan adanya perbezaan yang minimum jumlahnya. Bagaimanapun, jika kebetulan terdapat perbezaan pada hal-hal tertentu, antara yang digunakan dalam bahasa Malaysia dengan yang dalam bahasa Indonesia, Singapura adalah menggunakan apa yang digunakan dalam bahasa Malaysia.

Dalam hal ejaan, misalnya, terdapat perbezaan minimum antara ejaan bahasa Malaysia dengan ejaan bahasa Indonesia, umpamanya :

Malaysia	Indonesia
majlis	majelis
sastera	sastra
puteri	putri
isteri	istri

dan yang sebagainya; dalam hal ini Singapura mengeja menurut kaedah Malaysia seperti yang tertera dalam DERBM<sup>1</sup>.

Hal yang demikian berlaku kerana sejarah perkembangan dan kemajuan bahasa Melayu Singapura adalah selari dengan perkembangan dan kemajuan bahasa Malaysia. Dalam hubungan kebudayaan, sosial, ekonomi — malah dalam hubungan keluarga — Singapura lebih rapat dengan Malaysia jika dibandingkan dengan Indonesia; walaupun kebanyakan kita berdatuknenekkan orang Indonesia.

Di Singapura, selain daripada sekolah yang menggunakan bahasa Melayu [sebagai salah satu bahasa kedua yang rasmi] ada dua alat media massa yang sama-sama bertanggungjawab memastikan bahasa Melayu itu digunakan dengan baik bermutu dan teraku. Dua media massa itu ialah suratkhabar Berita Harian/Berita Minggu (BH/BM) dan Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC).

Tidak dinafikan adanya beberapa majalah mingguan atau tengah-bulanan berbahasa Melayu yang terbit di Singapura turut memainkan peranan memperkembang dan mempermaju bahasa Melayu di Singapura, tetapi BH/BM dan SBClah yang lebih ketara dan lebih menjadi tumpuan pengguna-pengguna bahasa Melayu di Singapura. Segala macam penggunaan bahasa Melayu di BH/BM dan SBC menjadi contoh kepada pengguna-pengguna umum.

Bahasa Melayu yang digunakan di BH/BM ialah menerusi tulisan yang menggunakan ejaan, dan yang digunakan di SBC ialah menerusi lisan yang menggunakan suara (jika melalui radio) dan menerusi lisan dan tulisan (jika

melalui TV). Kesekataan ejaan yang digunakan di BH/BM dan yang digunakan menerusi TV di SBC akan membantu pengguna-pengguna umum menggunakan ejaan yang baku.

Demikian pula penggunaan pilihan kata, istilah-istilah, sistem tatabahasa dan penerjemahan yang sekata oleh kedua media massa itu akan sungguh-sungguh membantu pengguna-pengguna umum kita menggunakan bahasa Melayu yang baku.

Yang demikian, kerjasama yang rapat antara media massa yang terdapat di sini dengan pihak sekolah (pendidikan) tempat membina, menyemai dan menanamkan minat menggunakan bahasa Melayu, dan dengan Jawatankuasa Bahasa Melayu (JBM) yang ditugaskan untuk menyelaras dan menyekatkan bahasa Melayu itu amatlah memberi manfaat kepada seluruh pengguna umum. Dan, ‘Sekata’ terbitan Jawatankuasa Bahasa tersebut adalah menjadi tempat kita membincangkan masalah-masalah yang perlu diselesaikan oleh semua pihak yang berkenaan.

Golongan pendidikan, misalnya, menggunakan frasa ‘pada hari Khamis 20 Jun ‘85 tetap golongan lain menggunakan frasa pada Khamis 20 Jun 85’. Frasa pada Khamis itu mungkin diselaraskan dengan frasa Inggeris ‘on Thursday’.

Kekata Inggeris ‘day’ (hari) itu sudah dijamakkan ke dalam nama-nama hari dalam bahasa Inggeris [Tuesday, Wednesday dan sebagainya]; sedang bahasa Melayu menghukumkan bahawa ‘hari Khamis’ itu adalah kata gabungan biasa [bukan kata gabungan majmuk] yang ditulis terpisah. Maka untuk membezakan antara hari Khamis dengan Encik Khamis, kekata hari itu tidaklah sayogia diluputkan.

Perhatikanlah dua ayat yang menggunakan pada Khamis di bawah ini:

- \* Hari Raya jatuh pada Khamis.
- \* Wang saya ada pada Khamis.

Bandingkanlah ayat-ayat itu dengan :

- \* Hari Raya jatuh pada hari Khamis.
- \* Wang saya ada pada Encik Khamis.

Kebetulan, JBM yang di bawah riayah Kementerian Perhubungan dan Penerangan ini adalah dianggotai oleh tokoh-tokoh dari golongan [pendidikan dan media massa] itu, maka kerja-kerja penyelarasannya akan menjadi lebih mudah jika tokoh-tokoh itu menerima mandat penuh dari golongan masing-masing untuk melaksanakan keputusan yang dibuat oleh JBM tanpa terikat atau terhalang oleh in-house style masing-masing.

## KATA SEERTI DAN KATA BERLAWAN DALAM BAHASA MELAYU

Haji Muhammad Ariff Ahmad

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu yang digunakan di sekolah-sekolah di Singapura kata seerti, kata berlawan dan kata berbilang makna telah dimasukkan sebagai satu daripada aspek tatabahasa yang harus diajarkan kepada murid-murid dan pelajar-pelajar. Kekata-kekata itu diajarkan selepas ‘kata bentukan’.

Sepanjang yang saya ingat, bahawa pelajaran tentang kata seerti dan kata berlawan itu mulai mengaruk pembelajaran bahasa Melayu tidaklah lebih awal dari bulan Jun 1959 iaitu semenjak PAP menang besar dalam pilihanraya umum dan menubuhkan pemerintahan Singapura. Pada masa itu, pemerintah telah mengisyiharkan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa Kebangsaan Singapura.

Sebelum Jun 1959, pembelajaran tentang kata seerti dan kata berlawan dilakukan dalam pelajaran kefahaman. Dalam pelajaran ‘bacaan’ atau ‘karangan’, biasanya, pelajar-pelajar ditanyai sama ada mereka faham atau tidak, makna atau maksud kekata yang dibacanya itu. Ada tiga kaedah seseorang itu boleh menerangkan makna kekata, iaitu dengan kaedah diskripsi, dengan menggunakan kata seerti atau kata berlawan ataupun dengan menggunakan kekata itu dalam ayat yang lain.

Sebagai contoh, mari kita periksa makna kekata rakan-rakan yang terpakai dalam petikan berikut ini:

Hoo Leng sedang berunding dengan rakan-rakannya, Abas dan Raju,

berkenaan dengan rancangan cuti sekolah mereka. Hoo Leng mengajak rakan-rakannya berkhemah di Pulau Sentosa tetapi Abas dan Raju lebih suka jika mereka pergi melancong ke Pulau Langkawi.

Secara diskripsi, makna kekata rakan-rakan itu diterangkan dengan “orang-orang, yang sama sejawatan dengan seseorang” atau “orang-orang yang sama di dalam satu kumpulan” tetapi dengan kata seerti, makna kekata rakan-rakan itu dapat diterangkan dengan “kekata rakan-rakan itu seerti dengan kawan-kawan, sahabat, taulan ataupun teman”.

Dengan ayat lain pula, kekata rakan-rakan itu diterangkan dengan membina ayat yang berbeza dengan yang ada di dalam konteks petikan itu misalnya:

Rakan-rakan saya di sekolah terdiri daripada pelbagai bangsa.

Rakan-rakan yang tidak setia itu sama dengan musuh di dalam selimut.

Tetapi, mulai dari Jun 1959, sebagai menyahut seruan pemerintah yang mengisyiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan itu, lebih daripada 13,000 orang dewasa bukan-Melayu dari pelbagai peringkat masyarakat [dari golongan pegawai pemerintah, guru dan kerani hingga ke penanam sayur di Braddell Road] telah mendaftar diri kepada SCAE (Singapore Council for Adult Education) hendak belajar bahasa Melayu. Jumlah itu tidak termasuk kumpulan-kumpulan yang menganjurkan kelas bersendirian.

Pada masa itu jumlah guru-guru Melayu yang terlatih, yang mengajar di sekolah-sekolah Melayu belum melebihi 200 orang. Untuk memenuhi tuntutan pelajar-pelajar tadi ramai orang Melayu yang bukan guru telah diterima sebagai pengajar di kelas-kelas bahasa kebangsaan itu.

Suatu kaedah mempercepat pelajar bahasa asing mengingati banyak kekata ialah dengan mengumpulkan kata seerti dan kata berlawan kerana dengan demikian: tiap kali kita menyebut suatu kekata, sekaligus kita akan terbayang beberapa kekata yang seerti atau yang berlawan erti dengan kekata yang kita sebut itu. Pada zaman pendudukan Jepun yang singkat itu kita dapat mempelajari Nipon-go begitu cepat dengan mengingat dan menghafaz banyak hantai-no-kotobanya.

Demikianlah halnya dengan pembelajaran bahasa Kebangsaan untuk orang-orang dewasa bukan-Melayu pada masa itu. Mereka dibekali oleh pengajar-pengajarnya dengan berpuluhan-puluhan kata seerti dan kata berlawan pada tiap kali mereka menghadiri kelasnya; sehingga dalam soalan pe-

periksaannya [pada peringkat awal] mereka dikehendaki menjawab 10 kata seerti dan 10 kata berlawan sebelum mereka disuruh membina ayat-ayat dan memahami sepotong petikan karangan.

Hal yang demikian itu mendorang pengajar bahasa Kebangsaan itu mengumpul dan menyenaraikan banyak kata seerti dan kata berlawan lalu dibahagi-bahagikan kepada para pelajarnya untuk dihafaz. Dan, oleh kerana kata seerti dan kata berlawan itu memang terbatas jumlahnya [bukan semua kekata ada kata seertinya atau kata berlawannya] padahal kebanyakan pengajar itu begitu ghairah hendak memberi pelajarnya seberapa banyak kata berlawan supaya pelajarnya itu lulus peperiksaannya maka terdapatlah daftar kata berlawan yang sumbang, antaranya ialah:

Papanhitam	lawannya	kapur.
buku	lawannya	pensel.
baju	lawannya	seluar.
pintu	lawannya	tingkap.
bumi	lawannya	langit.
dunia	lawannya	akhirat.
jalan	lawannya	lari.
makan	lawannya	minum.
ketawa	lawannya	menangis.

dan banyak lagi terdapat kekacauan demikian dalam pembelajaran kata seerti atau kata berlawan pada ketika itu.

Selanjutnya, apabila zaman bahasa Kebangsaan semakin pudar dan timbul pula era baru yang menjadikan bahasa Melayu itu tinggal hanya dipelajari oleh anak-anak Melayu sendiri sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah, dan pelajaran kata seerti dan kata berlawan itu termaktub pula di dalam Sukatan Pelajarannya maka timbulah pelbagai pendapat untuk menepatkan pengategorian kata-kata seerti, seiras, berlawan, berpasang, bertimbang dan sebagainya. Untuk itu timbulah pencarian untuk menentukan definisi berdasarkan kepada ciri-ciri kesamaan dan kelainan makna kekata-kekata itu sebelum dikategorikan ke kata seerti atau kata seiras atau kata berlawan atau kata berpasang atau yang sebagainya.

Definisi dan ciri-ciri itu nampaknya seakan-akan sudah dapat diterima umum untuk kita mengategorikan kekata-kekata ke dalam kumpulan-kumpulan yang tersebut di atas tadi, iaitu:

#### kata seerti:

[definisi] dua atau beberapa kekata yang memberi erti dan maksud yang tepat dan betul-betul sama.

- [ciri] (a) kekata itu boleh bertukar ganti tanpa berubah makna.
- (b) kekata itu berjenis kata benda atau kata ganti.
- (c) kekata itu terpakai kerana dialek; taraf sosial atau pengambilan kekata dari bahasa asing.

engkau	seerti dengan	awak; anda
saya	seerti dengan	aku; ana; patik; beta
emak	seerti dengan	ibu; induk; mami
bapa	seerti dengan	ayah; abah; dadi
buruh	seerti dengan	kuli; pekerja

dan yang sebagainya.

#### kata seiras:

[definisi] dua atau lebih kekata yang memberi makna yang hampir sama; barangkali sama ertiinya tetapi berbeza maksudnya.

- [ciri] (a) jika kekata itu ditukar ganti maknanya berubah.
- (b) kekata itu berjenis kata kerja kata keterangan atau kata penghubung.

lihat	seiras dengan	tengok; pandang; nampak
deras	seiras dengan	pantas; cepat; laju
cantik	seiras dengan	molek; lawar; indah
bagus	seiras dengan	elok; baik
sebab	seiras dengan	kerana; lantaran

#### kata berlawan:

[definisi] dua kekata yang bertentang maknanya; makna yang satu menafikan makna yang lainnya.

- [ciri] (a) pertentangan maknanya tepat 180°.
- (b) kekata itu berjenis kata keterangan atau kata keadaan.

boros	berlawan dengan	cermat
cantik	berlawan dengan	hodoh
gagal	berlawan dengan	jaya
layu	berlawan dengan	segar
suka	berlawan dengan	benci

dan yang sebagainya.

#### kata berpasang:

[definisi] dua kekata yang sama nilainya tetapi berbeza sebutannya

kerana perbezaan jantinanya.

- [ciri] (a) kekata berjenis kata benda.  
(b) tidak sesuai dikategorikan dalam golongan kata berlawan kerana dikhuatir mengelirukan.

[contoh]	ayah	berpasang dengan	ibu
	abang	berpasang dengan	kakak
	haji	berpasang dengan	hajjah
	seniman	berpasang dengan	seniwati
	posmen	berpasang dengan	posnita

dan yang sebagainya.

#### kata bertimbal

[definisi] dua kekata yang sama nilainya tetapi berbeza sebutannya kerana perbezaan kedudukan atau keadaannya.

- [ciri] (a) kekata berjenis kata benda.  
(b) tidak sesuai dikategorikan dalam golongan kata berlawan kerana yang satu tidak menafikan yang lainnya.

[contoh]	langit	bertimbal dengan	bumi
	laut	bertimbal dengan	darat
	utara	bertimbal dengan	selatan
	desa	bertimbal dengan	bandar
	atas	bertimbal dengan	bawah

dan yang sebagainya.

Pada umumnya: kata berlawan, kata berpasang dan kata bertimbal itu kefihan seperti sama tetapi pada keperinciannya ketiga-tiga golongan itu mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

Seperti kebanyakan kata seiras, kata berlawan dan kata berpasang itu membentuk parataksis, hanya: kata seiras dan kata berpasang menghasilkan parataksis setara seperti: tidur baring; sakit pening; nikah kahwin (kata seiras), ibu bapa; datuk nenek; seniman seniwati (kata berpasang), sedangkan kata berlawan menghasilkan parataksis menyaling seperti: tenggelam timbul; kurang lebih; tua muda; kecil besar dan sebagainya.

## Pengetahuan Bahasa

# ASPEK-ASPEK TATABAHASA DALAM PERTUTURAN DAN PENULISAN BAHASA MELAYU BAKU

Awang Sariyan

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur

### 1.0 Konsep-konsep Dasar

Seandainya kita akan berbicara tentang judul di atas, kita perlu memahami beberapa konsep dasar. Di antara yang penting termasuklah konsep tatabahasa, bahasa baku dan ragam bahasa rasmi.

### 1.1 Tatabahasa

Pengertian tatabahasa dapat ditafsirkan menurut berbagai-perspektif. Di kalangan ahli-ahli bahasa, ada tatabahasa yang dinamai tatabahasa deskriptif, iaitu tatabahasa yang disusun berdasarkan kajian empiris. Tatabahasa jenis ini bersifat menguraikan bahasa menurut adanya. Tatabahasa jenis ini amat berguna untuk mengurai bahasa atau dialek yang belum mempunyai tradisi persuratan, atau bahasa yang belum pernah diuraikan sistemnya.

Satu jenis tatabahasa lagi ialah tatabahasa normatif, iaitu yang bersifat mengajarkan sistem sesuatu bahasa. Pendekatannya bersifat preskriptif. Tatabahasa jenis ini didasarkan pada data tertulis yang diiktiraf sebagai bahan yang mewakili sifat bahasa umumnya. Tatabahasa yang diajarkan di sekolah ialah tatabahasa normatif. Buku tatabahasa yang disusun oleh Za'ba dan kebanyakan penyusun tatabahasa yang lain termasuk dalam tatabahasa jenis ini. Perlu saya jelaskan bahawa walaupun pendekatan tatabahasa jenis ini bersifat

preskriptif, hal itu tidak bermakna bahawa tatabahasa ini merupakan ciptaan ahli bahasa. Tatabahasa Melayu yang kita kenal sekarang ini sebenarnya didasarkan pada bahasa yang terdapat dalam karya besar seperti *Sejarah Melayu*. Dalam Kajian sarjana (M.A.) saya (1984), telah saya buktikan bahawa rumus-rumus tatabahasa yang menerbitkan ayat-ayat dalam *Sejarah Melayu* adalah rumus-rumus yang menerbitkan ayat-ayat dalam teks moden juga, walaupun pada lahirnya bentuk ayat-ayat itu berlainan.

Dalam zaman perancangan atau pembinaan bahasa kebangsaan kita, tatabahasa jenis inilah yang paling kita perlukan. Hal ini tidak bererti bahawa tatabahasa deskriptif tidak berguna sama sekali. Tatbabaha deskriptif berguna sebagai gambaran penggunaan bahasa sesuatu kelompok masyarakat pada sesuatu waktu tertentu, tetapi tidak semestinya dianggap benar menurut sistem bahasa baku. Dapat juga kita manfaatkan tatabahasa deskriptif itu sebagai titik-tolak untuk merancang bahasa baku. Misalnya jika uraian yang terhasil menunjukkan bahawa masyarakat melakukan kesalahan bahasa yang banyak sekali, maka perancang bahasa dapat mengatur strategi untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa di kalangan masyarakat.

## 1.2 Bahasa Baku

Istilah *bahasa baku* saya gunakan sebagai padanan bagi istilah *standard language*. Dalam mana-mana masyarakat yang maju, ada bentuk bahasa baku, di sisi adanya pelbagai dialek. Demikianlah halnya dengan bahasa Melayu.

Sejarah perkembangan bahasa Melayu menunjukkan bahawa bahasa Melayu kaya dengan dialek. Di sisi dialek kawasan, ada pula dialek sosial. Dialek kawasan menggambarkan bentuk bahasa Melayu yang dituturkan oleh penduduk sesuatu kawasan tertentu. Di Malaysia saja ada dialek Melayu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Sabah dan Sarawak. Dalam dialek-dialek itu ada pula pecahannya menurut daerah atau kawasan yang lebih kecil.

Dialek sosial pula ialah dialek yang berdasarkan golongan tertentu, seperti dialek kelas menengah, dialek kaum buruh, dialek kalangan bangsawan dan sebagainya.

Dialek bersifat agak tertutup dan fungsinya terbatas dalam kawasan atau kalangan tertentu sehingga seorang dari kawasan atau golongan tertentu mungkin tidak dapat berkomunikasi dengan seorang dari kawasan atau golongan yang lain. Dalam keadaan yang sedemikian, tentu saja diperlukan satu bahasa umum yang dapat menjadi bahasa perantaraan semua anggota masyarakat, biar dari mana pun mereka datang. Sehubungan dengan itu, bahasa bakulah yang dapat mengambil peranan tersebut.

Walaupun sekarang kita sedang giat merancang bahasa baku, hal itu tidak bererti bahawa bahasa Melayu belum mempunyai bahasa baku. Bahasa Melayu yang digunakan dalam karya keagamaan, falsafah, ketatanegaraan, historiografi dan hikayat adalah bahasa baku. Bahasa yang digunakan sebagai bahasa kerajaan dan pentadbiran kerajaan Melayu lama adalah bahasa baku. Malahan di Perpustakaan Soborne di Paris, tersimpan dua pucuk surat Raja Ternate kepada Raja Timor dalam abad ke-13 yang tertulis dalam bahasa Melayu baku, sedang kita tahu bahawa bahasa Melayu bukan bahasa perantaraan di Ternate.

Yang sebenarnya kita usahakan sekarang ialah penyempurnaan bahasa Melayu baku yang sedia ada. Bahasa sebagai unsur kebudayaan yang dinamis mengalami perubahan dan perkembangan, bukan perubahan yang menyimpang daripada akar umbi sistem bahasa, tetapi perubahan yang bersifat penyempurnaan. Sebagai contoh, berkembangnya kebudayaan Melayu menjadi kebudayaan moden menyebabkan timbulnya keperluan istilah-istilah dalam berbagai-bagai bidang ilmu dan profesional. Timbulnya keperluan ini menyebabkan kita merancang bahasa daripada sudut penciptaan istilah. Dalam hal ejaan pula, timbul keperluan terhadap satu sistem ejaan yang lebih praktis dan dapat menyatukan bahasa Melayu se-Nusantara, sehingga kita perlu mengusahakan penyusunan sistem ejaan baru. Demikian juga, apabila kita mengusahakan penyusunan kamus, kita sebenarnya berusaha menyempurnakan kamus yang sedia ada, bukan benar-benar menyusun satu kamus baru. Saya akan membicarakan bentuk bahasa Melayu baku dalam bahagian lain. Daripada sudut fungsi, ada beberapa fungsi bahasa baku. Tadi telah saya sentuh peranan bahasa baku sebagai alat perhubungan umum. Selain itu bahasa baku berperanan sebagai bahasa untuk hal-hal rasmi. Dalam bidang pentadbiran, pendidikan, penghakiman, media massa dan bidang-bidang

lain yang penting, bahasa baku lah yang digunakan. Hal ini demikian kerana bahasa baku ialah bahasa yang teratur dan terkawal tatabahasanya, sehingga sesuatu hal dapat dinyatakan dengan jelas dan tetap.

### 1.3 Ragam Bahasa Rasmi

Sudah saya jelaskan tadi bahawa bahasa rasmi digunakan dalam pentadbiran, pendidikan, penghakiman, media massa dan bidang-bidang lain yang penting. Secara mudah, bahasa rasmi dapat diperentangkan dengan bahasa tidak rasmi. Sementara ragam bahasa rasmi digunakan dalam suasana yang formal, bahasa tidak rasmi digunakan dalam suasana yang tidak formal, seperti perbualan se-sama teman, percakapan dalam keluarga, tawar menawar di pasar, catatan peribadi, surat peribadi dan sebagainya. Ragam bahasa rasmi dan ragam bahasa tidak rasmi dapat berlaku dalam bentuk lisan dan tulisan.

Di antara ciri-ciri ragam bahasa rasmi termasuklah:

1. bertatabahasa (sempurna bentuk kata, frasa dan ayatnya);
2. terkawal pemilihan kata, ungkapan dan istilahnya;
3. lepas daripada kesamaran makna atau kemungkinan pelbagai makna;
4. tersusun dalam satu wacana yang padu;
5. ucapan yang berdasarkan pada sebutan baku dan intonasi yang terkawal;
6. keseluruhannya bahasa baku.

Sebagai lawannya, ragam bahasa tidak rasmi ditandai oleh ciri-ciri-ciri yang berikut ini:

1. kurang atau sama sekali tidak bertatabahasa;
2. kurang terkawal pemilihan kata dan ungkapannya;
3. berkemungkinan menimbulkan kesamaran makna atau berkecenderungan memiliki makna yang eksklusif;
4. wacananya kurang utuh atau tidak sempurna;
5. ucapannya bersifat amat bersahaja;
6. bersifat bahasa basahan atau kolokial.

Sampai di sini, kita mungkin sudah dapat menilai adakah bahasa rasmi yang kita gunakan selama ini benar-benar bahasa rasmi atau

merupakan campuran di antara bahasa rasmi dengan bahasa tidak rasmi.

Untuk memenuhi judul kertas kerja yang diberikan kepada saya, saya akan hanya membicarakan ciri yang pertama bagi ragam bahasa rasmi, iaitu bahasa yang bertatabahasa dan ciri yang keenam, iaitu bahasa baku (dengan tumpuan khusus terhadap tatabahasa). Kedua-duanya itu akan saya bicarakan sekaligus.

## 2.0 Aspek-aspek Tatabahasa

Secara kasar, tatabahasa meliputi sintaksis (pembentukan ayat), morfologi (pembentukan kata), semantik (makna) dan fonologi (tatabunyi). Walau bagaimanapun yang paling berkaitan dengan khalayak simposium ini ialah aspek sintaksis dan morfologi serta aspek fonologi sedikit banyaknya.

### 2.1 Sintaksis

Di antara aspek-aspek sintaksis yang perlu dititik-beratkan termasuklah:

- a. subjek-predikat;
- b. pola-pola ayat inti;
- c. pelbagai jenis ayat terbitan.

#### 2.1.1 Subjek-Predikat

Adanya subjek dan predikat menjadi syarat asas terbentuknya ayat. Jika salah satu bahagian itu diabaikan, akan terbitlah ayat yang tidak sempurna atau ayat yang tergantung seperti:

- (1) \*Membangunkan kawasan-kawasan yang terpencil. (Tiada subjek)
- (2) \*Pihak-pihak yang berkenaan yang diwajibkan melaksanakan tanggungjawab. (Tiada predikat)

Kegagalan menguasai hubungan subjek-predikat mungkin juga menyebabkan terbitnya ayat seperti:

- (3) \*Jabatan itulah melaksanakan tugas itu. (Tidak sempurna subjeknya)

- (4) \*Menurut Perdana Menteri mengatakan bahawa perpaduan rakyat amat penting dipelihara. (Susunan subjek tidak teratur)

### 2.1.2 Pola-pola Ayat Inti

Tidak seperti pola ayat inti bahasa Inggeris yang terdiri daripada pola Frasa Nama + Frasa Kerja, pola ayat inti bahasa Melayu ada empat, iaitu:

- a. Frasa Nama + Frasa Nama;
- b. Frasa Nama + Frasa Sendi;
- c. Frasa Nama + Frasa Ajektif;
- d. Frasa Nama + Frasa Kerja.

Dalam pola (a), subjek dan predikat terdiri daripada frasa nama (FN). Kedua-dua FN itu tidak Melayu tidak ada kopula. Jadi, ayat seperti (5) **Ini adalah sebuah pejabat kerajaan** cukup dinyatakan sebagai (6) **Ini pejabat kerajaan saja**. Boleh juga kita menggunakan **adalah**, bukan sebagai kopula, tetapi sebagai penegas saja. Ayat tadi dapat ditegaskan menjadi (7) **Ini adalah pejabat kerajaan**. Yang penting diingat ialah bahawa **adalah** atau **ialah** bukan unsur yang mesti digunakan. Oleh itu **adalah** dan **ialah** tidak dapat disamakan dengan kopula **is**, **are** dan **yang** lain lagi dalam bahasa Inggeris.

Dalam pola (b), subjek terdiri daripada frasa nama dan predikat terdiri daripada frasa sendi. Misalnya ayat **Pejabat itu di atas bukit** adalah ayat yang sempurna dalam bahasa Melayu.

Dalam pola (c), subjek terdiri daripada frasa nama dan predikat terdiri daripada frasa ajektif. Frasa ajektif dapat terdiri daripada ajektif saja atau ajektif beserta penguat seperti **amat**, **sangat**, **sungguh** dan sebagainya.

Dalam pola (d), subjek terdiri daripada frasa nama dan predikat terdiri daripada frasa kerja. Frasa kerja dapat terdiri daripada kata kerja transitif (beserta objek) atau kata kerja intransitif (tanpa objek). Jika kita menggunakan kata kerja transitif, objek perlu ada dan objek itu langsung

mengikuti kata kerja. Jika prinsip tidak kita fahami, terbitlah ayat seperti:

- (8) \*Saya sudah melaporkan kepada Pengarah. (Tiada objek sesudah kata kerja transitif)
- (9) \*Pihak berkuasa ingin mendapatkan semula wang yang sudah lesap itu. (Objek dipisahkan daripada kata kerja transitif oleh kata keterangan)
- (10) \*Kami membincangkan tentang peruntukan kewangan tahun ini. (Kata kerja transitif tidak memerlukan kata sendi)

Demikian juga, kesalahan ayat yang frasa kerjanya terdiri daripada kata kerja intransitif sering berlaku, misalnya:

- (11) \*Beliau tidak kenal orang itu. (Tiada kata sendi yang menghubungkan kata kerja intransitif dengan FN)

Satu lagi aspek yang penting dalam pola ini ialah ciri-ciri transitif dan intransitif. Kata kerja transitif mesti berawalan MeN, sementara kata kerja intransitif ada yang terdiri daripada kata kerja pokok, ada yang berawalan meN, beR dan teR.

### 2.1.3 Pelbagai Jenis Ayat Terbitan

Ada berbagai-bagai jenis ayat terbitan dalam bahasa Melayu. Beberapa jenis yang sering dikacaukan ialah:

- a. ayat perintah;
- b. ayat tanya;
- c. ayat pasif.

Ayat perintah terdiri daripada dua bentuk, iaitu yang kata kerja perintahnya berawalan dan yang kata kerjanya tidak berawalan. Ayat perintah dengan kata kerja yang berawalan ialah ayat perintah dengan kata kerja intransitif yang berawalan, misalnya:

- (12) Bekerjalah dengan sungguh-sungguh.  
(13) Mengakulah jika anda memang melakukannya.

Jadi, kata kerja intransitif yang berupa kata kerja pokok pastilah tidak berawalan juga dalam ayat perintah, misalnya:

(14) Duduklah di situ.

Yang sering menimbulkan masalah kepada pengguna bahasa ialah ayat perintah yang kata kerjanya merupakan kata kerja pasif. Kata kerja sedemikian tidak memerlukan awalan dalam ayat perintah kerana pelaku subjeknya ialah orang kedua seperti anda, engkau, kamu. Contoh ayat perintah jenis yang kedua ini ialah:

(15) Pandulah kereta dengan cermat.

(bukan: \*Memandulah kereta dengan cermat.)

(16) Bayarlah cukai pada waktu yang telah ditetapkan.

(nukan: \*Membayarlah cukai pada waktu yang telah ditetapkan.)

Ayat tanya pula terbentuk dengan dua cara, iaitu:

1. perubahan intonasi pada ayat berita yang dalam tulisan ditandai oleh tanda soal;
2. pendepan predikat ayat, dengan penggunaan partikel penegas kah.

Contoh jenis yang pertama ialah:

(17) Orang itu pengurus?

(18) Beliau ke luar negeri?

(19) Pejabat itu jauh?

(20) Laporan itu sudah siap?

Dengan menggunakan contoh yang sama, kita dapat membentuk ayat tanya jenis kedua, iaitu:

(21) Penguruskah orang itu?

(22) Ke luar negerikah beliau?

(23) Jauhkah pejabat itu?

(24) Sudah siapkah laporan itu?

Dalam ayat tanya, seringkali juga digunakan kata keterangan seperti apa, bagaimana, berapa, mana, mengapa, siapa untuk menanyakan hal yang tertentu.

Ayat pasif dalam bahasa Melayu ada beberapa jenis, iaitu:

- a. dengan pelaku pertama;
- b. dengan pelaku kedua;
- c. dengan pelaku ketiga;
- d. dengan awalan beR;
- e. dengan awalan teR;
- f. dengan imbuhan terbahagi ke-an;
- g. dengan kata kena.

Daripada tujuh jenis ayat pasif itu, ayat pasif dengan pelaku pertama, kedua dan ketigalah yang sering dikacaukan.

Dalam ayat pasif diri pertama dan diri kedua, kata kerja pasif tidak ditandai oleh awalan. Bentuknya tergambar pada contoh yang berikut:

(25) Surat pegawai itu sudah saya jawab.

(26) Surat pegawai itu perlu tuan jawab.

Sementara itu, ayat pasif dengan pelaku ketiga ditandai oleh awalan di, misalnya:

(27) Surat itu sudah dijawab oleh beliau.

## 2.2 Morfologi

Dua aspek morfologi yang amat penting ialah:

- a. golongan kata;
- b. pengimbuhan.

### 2.2.1 Golongan Kata

Golongan kata penting dikuasai supaya bahasa yang kita gunakan tidak salah. Jika kita ambil kata kerja sebagai contoh, kita perlu memahami kata kerja transitif dan kata kerja intransitif. Jika tidak, akan berlaku kesalahan seperti yang sudah bincang dalam bahagian ayat inti.

Dalam golongan kata termasuklah juga soal penggunaan kata ganti diri yang sering salah digunakan. Misalnya, sering

timbul kekeliruan tentang penggunaan ia atau dia dengan beliau.

Selain itu, penggunaan kata sendi yang betul termasuk juga dalam golongan kata. Pengguna bahasa sering keliru tentang penggunaan dari dan daripada, di dan pada dan beberapa kata sendi yang lain.

### 2.2.2 Pengimbuhan

Di antara imbuhan yang sering mengelirukan pengguna bahasa termasuklah awalan MeN akhiran an, kan, dan i.

Sudah saya jelaskan bahawa awalan meN menandai kata kerja transitif dan sebilangan kata kerja intransitif. Yang sering menjadi masalah ialah bilakah kita perlu menggunakan me, mem, men, meng dan menge. Penggunaan setiap awalan itu bergantung kepada huruf awal sesuatu kata dasar. Kita dapat memahaminya dengan memperhatikan penggunaannya menurut susunan abjad:

a	- meng	n	- me
b	- mem	o	- meng
c	- men	p	- me (p m)
d	- men	q	- meng
e	- meng	r	- me
f	- mem	s	- me (s ny)
g	- meng	t	- me ( n)
h	- meng	u	- meng
i	- meng	v	- mem
j	- men	w	- me
k	- me (k ng)	x	- meng
l	- me	y	- me
m	- me	z	- men

Akhiran an dan kan sering juga dikacaukan kerana sebilangan pengguna bahasa tidak memahami bahawa akhiran an membentuk kata nama sedang kan membentuk kata kerja. Maka timbulah kesalahan seperti \*menyesakan, \*kesesakan dan sebagainya.

Ada juga kesalahan bahasa yang berkaitan dengan

akhiran kan dan i. Seringkali kita membaca ayat seperti \*Beliau mengirimkan saya surat yang jelas salah kerana akhiran yang betul ialah i.

### 2.3 Fonologi

Aspek fonologi yang berkaitan dengan judul kertas kerja ini ialah sebutan atau ucapan. Sehingga sekarang belum putus betul dasar sebutan baku yang wajar digunakan untuk suasana rasmi. Walau bagaimanapun, Dewan Bahasa dan Pustaka, dengan sokongan GAPENA, Persatuan Linguistik Malaysia, PENA dan Persatuan Suluh Budiman telah menetapkan bahawa kata-kata dalam bahasa Melayu hendaklah disebut sebagaimana yang dieja. Langkah berperingkat-peringkat telah direncanakan, dengan perhatian diberikan dulu terhadap kata-kata yang dipinjam daripada bahasa asing. RTM beberapa waktu dulu telah berusaha melaksanakan prinsip tersebut.

Kini kita menunggu keputusan rasmi daripada kerajaan untuk melaksanakan sistem sebutan baku tersebut. Saya berpendapat bahawa sektor awam boleh mula melaksanakannya secara berperingkat-peringkat supaya apabila prinsip tersebut diluluskan, kuranglah masalah yang dihadapi.

Perlu saya catatkan di sini beberapa kelebihan sistem sebutan baku yang direncanakan itu:

- a. Sistem itu selaras untuk semua kata, baik yang lama mahupun yang baru, sehingga mudah diikuti dengan tidak perlu berhadapan dengan sekian banyak kekecualian;
- b. Pengajaran lisani sekolah menjadi lebih sistematik dan berkesan;
- c. Perkembangan kosa kata bahasa Melayu cenderung ke arah sebutan baku, terutama yang berakhir dengan huruf a;
- d. Sistem sebutan baku ini dapat menghasilkan kesan retorik yang lebih baik;
- e. Perkembangan bahasa Melayu pada masa akan datang akan lebih terarah jika sistem tersebut dimulakan sekarang;
- f. Bahasa Melayu tidak akan kehilangan identiti di tengah-tengah banjir kata-kata daripada bahasa asing.

### 3.0 Penutup

Demikianlah serba ringkas hubungan tatabahasa dengan penulisan dan pertuturan. Dalam kertas kerja ini, penulisan dan pertuturan yang saya maksudkan ialah penulisan dan pertuturan rasmi. Oleh sebab itu ragam bahasa yang wajar untuk konteks itu ialah ragam bahasa rasmi, iaitu bahasa baku.

## ASPEK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PERIBAHASA

Mohd Latiff Mohd  
Institut Perkembangan Kurikulum Singapura

Peribahasa merupakan sebahagian daripada sukanan pelajaran. Kemasukan peribahasa dalam sukanan pelajaran ini adalah suatu perkara yang memang penting dan sangat bermakna dalam konteks pengajaran bahasa. Kerana jika kita tinjau kewujudan sesuatu kebudayaan itu maka peribahasa merupakan suatu daripada komponan pengucapan kebudayaan itu sendiri.

Kita memiliki ribuan peribahasa sebagai wadah pengucapan intelektual dan budaya bangsa kita. Peribahasa-peribahasa kita itu mengandungi seribu satu macam kekuatan moral yang mendukung pengucapan budaya dan keintelektualan bangsa. Tegasnya peribahasa menjadi sangat penting dalam mewarnakan dan mengindahkan pengucapan kita sama ada secara lisan maupun tulisan.

Apa yang penting kita fikirkan ialah: guru-guru haruslah bersikap terbuka dan objektif apabila mengajarkan peribahasa kepada pelajar-pelajar kita. Peribahasa yang harus diajarkan mestilah disampaikan secara kreatif dan hidup bukanlah secara menghafal seperti yang selalu dipraktikkan. Para pelajar harus diyakinkan bahawa peribahasa bukanlah suatu pelajaran yang mati dan sudah menjadi pusaka usang zaman bahari.

Bagi menghidupkan pelajaran peribahasa maka pendekatan pengajaran kita juga haruslah hidup; peribahasa mestilah dibawa ke tengah-tengah kehidupan manusia moden hari ini. Tegasnya guru harus dapat meyakinkan murid bahawa peribahasa adalah suatu keperluan pengucapan intelektual dan budaya yang sangat penting dalam kehidupan kita sehari-hari.

## BEBERAPA TEKNIK PENGAJARAN PERIBAHASA

### 1. Menerangkan asal-usul peribahasa

Sesuatu peribahasa yang ingin diajarkan itu, diterangkan dahulu asal-usul terjadinya, misalnya peribahasa biasanya diungkapkan oleh masyarakat dahulu berdasarkan pengelihatan mereka dan pengamatan mereka yang teliti mengenai keadaan alam, mengenai perangai binatang, sifat manusia dan lain-lain. Setelah menghayati keadaan-keadaan ini, peribahasa diungkapkan berdasarkan kelakuan manusia itu sendiri.

Tujuan menerangkan asal-usul peribahasa ini supaya murid-murid mendapat konsep yang jelas tentang latar peribahasa itu tercipta, dengan demikian maka guru dapat mengelakkan pengalaman yang bersifat abstrak semata-mata jika terdapat dalam peribahasa tersebut. Dengan menerangkan asal-usul peribahasa juga segala pengalaman abstrak daripada peribahasa tersebut dapat dijadikan pengalaman realiti murid-murid. Dengan hal yang demikian, murid-murid dengan mudah dapat mengasosiasikan sesuatu peribahasa itu dengan kejadian kehidupan sehari-hari yang dilihat dan dialami oleh mereka.

### 2. Mencontohkan nilai-nilai pengajaran dan pemikiran dalam peribahasa kepada kehidupan sehari-hari.

Teknik ini boleh disampaikan melalui bercerita. Guru menceritakan sesuatu cerita dengan memadankan sesebuah peribahasa di dalamnya. Melalui teknik ini murid-murid akan dapat memahami dan menghayati sesebuah peribahasa yang diajarkan dengan lebih berkesan lagi.

### 3. Menggunakan peribahasa dalam setiap kesempatan yang ada.

Teknik ini boleh digunakan apabila guru mengajar pelajaran tatabahasa, karangan, kefahaman atau pun dialog. Semasa menyampaikan pengajaran ini guru seelok-eloknya menggunakan peribahasa-peribahasa yang berkaitan, supaya murid-murid biasa dan kerap mendengar penggunaan peribahasa-peribahasa tersebut.

## Aktiviti-aktiviti pengajaran peribahasa

1. Setelah pengajaran peribahasa disampaikan secara langsung atau pun tidak, guru bolehlah memberi aktiviti-aktiviti lanjutan, misalnya:—
  - a. Mengarang daripada peribahasa.
  - b. Melengkapkan karangan daripada peribahasa.
  - c. Kuiz peribahasa.

- d. Melengkapkan peribahasa.
- e. Dialog daripada peribahasa.
- f. Melakukan dialog daripada peribahasa.
- g. Bersyarah menggunakan peribahasa.
- h. Ucapan menggunakan peribahasa.
- i. Menulis surat kiriman menggunakan peribahasa.
- j. Melukis poster berdasarkan peribahasa.
- k. Lagu-lagu yang mengandungi peribahasa.

## Penutup

Peribahasa yang merupakan sebahagian daripada pengucapan kebudayaan kita haruslah ditanam dan disemaikan ke dalam jiwa murid-murid, peribahasa yang merupakan juga peribadi, bangsa harus dihayati dan disemai dalam pemikiran murid-murid kita, supaya ianya tidak hilang ditelan oleh zaman.

# METODE MENGARANG DENGAN MENGGUNAKAN KEUATAN PANCAINDERA \*

Suratman Markasan  
Institut Pendidikan Singapura

## Pendahuluan

Dari satu penyelidikan yang kami lakukan dan juga dari pengalaman, kami dapati bahawa kelemahan para pelajar dalam pelajaran karangan, kebanyakannya disebabkan oleh kurangnya isi karangan. Sedang persen kelemahan penyampaian isi menjadi faktor kedua dan kelemahan-kelemahan tatabahasa dan lain sebagainya menjadi hal ketiga. Dan kelemahan ini, dapat dikesan dari mula mereka di sekolah rendah sampai ke sekolah menengah dan maktab-maktab atau kelas-kelas pra-universiti. (Tingkatan enam rendah dan atas, di Malaysia).

Di bawah ini kami turunkan dua daftar. Satu daftar menunjukkan markah yang diperolehi oleh 26 orang murid dalam darjah enam. Dan satu lagi menunjukkan pecahan markah yang diperolehi oleh 23 orang pelajar menengah empat (Tingkatan 5, di Malaysia).

## A. Daftar markah karangan murid-murid darjah enam :

No.	Nama murid	isi	bahasa	susunan	jumlah
		20	15	5	40
1.	Azahari b. Kastam	11	10	3	24
2.	Azhar b. Md. Zain	14	12	4	30

\* Kertas kerja yang dibentangkan dalam SEMINAR BAHASA DAN SASTERA DALAM PENDIDIKAN, pada 9 – 11 April 1985, Anjuran Persatuan Linguistik Malaysia, di Kuala Lumpur.

3.	Eirman b. Yusop	13	12	4	29
4.	Erhan Tarmizi b. Buang	12	12	3	27
5.	Hairunisyak bt. Sarip	13	12	4	29
6.	Hassimah bt. Khalil	10	12	2	24
7.	Imran b. Marjuki	14	12	4	30
8.	Iskandar b. Sisan	15	13	3	31
9.	Juseri b. Johar	14	13	3	30
10.	Kamisah bt. Mahadi	15	15	4	34
11.	Md. Ariffin b. Akram	14	12	4	30
12.	Maslindawati bt. Kasmin	15	13	4	32
13.	Md. Azmi b. Yunos	09	12	3	24
14.	Md. Horsani b. Md. Zain	10	13	3	26
15.	Md. Razali b. Said	11	12	4	27
16.	Nor Azizah bt. Matsah	10	09	4	23
17.	Noraini bt. Husain	14	12	4	30
18.	Norjuliayana bt. Sawal	11	13	4	28
19.	Roslinah bt. Suratin	12	14	4	30
20.	Siti Maimunah bt. Ali	13	12	3	28
21.	Siti Radiaton bt. Jamil	12	13	2	27
22.	S. Nasser b. S. Noor	11	11	3	25
23.	Widani b. Adam	14	13	4	31
24.	Yazid b. Kassim	11	13	3	27
25.	Zulkifli b. Talib	13	12	4	29
26.	Zuraimi b. Phildose	12	15	4	31

## B. Daftar karangan murid-murid menengah 4 (Tingkatan 5) :

No.	Nama murid	isi 30	bahasa 25	gaya 5	jumlah 60
1.	Ahmad Shaharom b. Ali	15	15	4	34
2.	Ahmad b. Suridan	17	14	3	34
3.	Adi b. Shamsul	11	12	3	26
4.	Amir b. Haji Layto	16	16	4	36
5.	Awang b. Ariffin	10	12	2	24
6.	Azman b. Ahmad	18	17	4	39
7.	Azainah bt. Muliah	15	16	4	35
8.	Hairul Saleh b. Rahman	14	13	3	30
9.	Juhani bt. Rusdi	18	17	4	39
10.	Madewan b. Rusli	13	15	3	31

11. Mahmood b. Jaiil	12	16	4	32
12. Misbahaddin b. Ijan	14	14	3	31
13. Mohd. Helai b. Ahmad	17	19	4	40
14. Mohammad b. Shamsudin	17	14	2	33
15. Mohd. Zain b. Haron	17	16	3	36
16. Nurazaliza bt. Zahari	15	19	4	38
17. Rafeah bt. Sarmo	13	13	2	28
18. Ralinda bt. Razali	15	16	3	34
19. Saifullah bt. Ahmad	14	13	3	30
20. Zaid b. Mohammad	12	13	3	28
21. Zuraini bt. Wahab	14	14	3	31
22. Zaidah bt. Mohd. Ali	14	15	3	32
23. Zuraidah bt. Khamis	15	17	4	36

Dari daftar tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa kebanyakannya murid lemah dalam karangan mereka kerana isi karangan mereka kurang. Dari daftar di bawah ini yang menunjukkan pecahan markah hitung panjang bagi isi, tatabahasa dan susunan atau gaya, jelas bahawa markah isi lebih rendah dari jumlah hitung panjang markah tatabahasa dan susunan atau gaya.

Tingkatan	isi	bahasa	susunan gaya
Darjah Enam	48.6	60.0	65.2
Menengah Empat	62.1	82.5	70.0

Pada umumnya guru-guru di sekolah sedar akan kelemahan para murid dan pelajar mereka mengenai isi karangan. Dan pada umumnya, cara guru mengatasinya tersebut, biasanya guru akan menganjurkan para murid dan pelajarnya supaya banyak membaca buku.

Dalam hal ini, kami tidak menafikan bahawa memang satu daripada cara mengatasinya ialah dengan membanyakkan membaca buku. Akan tetapi bagaimana dengan murid dan pelajar yang tidak suka membaca buku?

#### Penerapan kekuatan pancaindera

Kekuatan pengecaman pancaindera manusia sebenarnya menolong manusia dalam kehidupan harian mereka. Seorang yang buta misalnya, tidak dapat menggunakan satu daripada pancainderanya yang penting, akan tetapi

dia dapat menggunakan pancaindera lain untuk menolongnya. Ia menggunakan pancaindera hidungnya untuk menghidu dan dari hiduannya, bisa menolongnya untuk mengetahui di mana dia berada. Dan dengan pancaindera telinganya pula, dia bisa mendengar. Dari pendengaran itu pula, bisa menolongnya mengetahui lebih jelas lagi di mana ia berada. Seterusnya dengan pancaindera mulut dan tangannya akan menolongnya lagi untuk bukan sahaja dia mengetahui di mana dia berada, bahkan lebih daripada itu.

Dari keterangan di atas, kami ingin menyatakan bahawa jika seorang manusia yang tidak mempunyai mata dapat hidup dengan menggunakan pancainderanya yang lain, tentu sekali jika manusia yang lengkap pancainderanya dan dapat menggunakan kesemua pancaindera dengan sebaik-baiknya, tentu sekali akan cukup memberi manfaat kepada dirinya. Dengan memberikan perbandingan tersebut, kami ingin menyatakan, bahawa guru dapat menolong murid dan pelajarnya tentang bagaimana menggunakan pancainderanya dengan sebaik-baiknya untuk mengecam dan mengesani keadaan sekitarnya, tentu sekali kekurangan isi dalam karangan murid dan pelajar akan mudah dapat diatasinya.

Untuk mengajar karangan bagi murid darjah enam, katalah guru memilih tajuk karangan, "Kesibukan di pasar". Sebaiknya sebelum sampai harinya, guru telah memberitahu para muridnya, jika mereka pergi ke pasar mengikut emaknya, supaya menggunakan pancainderanya untuk mengecam dan mengesani tentang apa yang dilihat, didengar, dihidu dan yang akan dirasanya. Semua yang dicam dan dikesaninya hendaklah didaftarkan supaya menjadi isi karangannya.

Kemungkinan besar dari daftar para murid, kurang lebih akan didapat seperti daftar di bawah ini.

#### (a) Yang dilihat

- \* orang ramai masuk dan keluar pasar
- \* penjual di pasar menimbang dan membungkus
- \* penjual daging memotong daging
- \* ayam yang telah dipotong banyak
- \* daging bergantung-gantung
- \* di pasar makan banyak makanan

#### (b) Yang didengar

- \* penjual ayam, daging dan ikan terpekik-pekip

- \* pembeli-pembeli sibuk menawar
- \* terdengar bunyi bising orang memotong daging
- \* bising bunyi ayam di dalam jaring-jaring
- \* penjaja kopi memekik-mekik

**(c) Yang dihidu**

- \* bau busuk tahi ayam
- \* bau hamis ayam, ikan dan daging
- \* bau rempah-rempah
- \* bau kotoran yang lain

**(d) Yang dipegang**

- \* ibu pegang ikan
- \* dibuka insangnya

Dari daftar kekuatan pengecaman pancaindera di atas, guru-guru sudah boleh menyuruh murid-muridnya menulis karangan yang bertajuk, "Kesibukan di pasar", dengan menasihatinya yang mana harus didahulukan dan yang mana pula harus dikemudiankan.

Dengan menggunakan metode mengarang dengan menggunakan kekuatan pengecaman pancaindera, kami dapat betapa murid dan pelajar bukan sahaja dapat mengisi karangannya dengan isi-isi yang padat, bahkan dapat menulis dengan teliti berdasarkan tajuk karangannya. Mereka dapat menulis dengan yakin. Tidak banyak yang terlepas dari perhatiannya. Dan yang penting karangan mereka tidak berbentuk "stereotype" seperti yang selalu ditulis oleh mereka dengan tidak menggunakan metode pengecaman pancaindera. Sebaliknya, para murid yang tidak menggunakan bentuk metode ini, kurang isinya dan banyak yang harus ditulisnya berdasarkan tajuk yang diberinya terlepas dari perhatian dan tulisannya.

Di bawah ini, kami turunkan dua buah karangan dari dua orang murid. Murid yang pertama menggunakan metode kekuatan pengecaman pancaindera dan murid yang kedua menggunakan metode biasa, iaitu metode guru menunjukkan dan membincangkan bersama murid-murid mengenai isi yang harus ditulisnya.

- A) Karangan yang ditulis dengan menggunakan metode pengecaman pancaindera :

**KESIBUKAN DI PASAR**

*Tiap hari Minggu saya ikut ibu ke pasar. Pasar yang kami pergi Pasar Geylang. Bila masuk pasar saja, saya dengar riuh suara orang. Di gerai ayam, penjualnya terpekek-pekek menyuruh kami membeli. Orang yang membeli pula, sibuk juga. Ada suruh bungkus kepak saja. Ada yang meminta peha saja. Oh, bukan main bising.*

*Bila ibu ke gerai daging pula. Mama pun mula sibuk memanggil ibu suruh beli. Dia bilang dagingnya bagus dan baru. Penjual Melayu pula, memanggil suruh beli daging lembu juga. Tadi ibu beli ayam sekarang beli juga lembu. Bakul sudah berat, tangan saya sudah sakit.*

*Kalau tadi hidung saya bau hamis ayam sekarang bau hamis daging juga. Orang-orang makin banyak. Jalan-jalan di dalam pasar sibuk. Saya kena langgar-langgar. Sampai digerai ikan macam saya hendak jatuh sebab licin. Di sini ibu pegang-pegang ikan selar. Kata ibu, Kalau lembek, ikan dah lama-lama. Kalau insangnya lebam, jangan belia. Cina ikan bising-bising tak kasi ibu pegang-pegang. Kata ibu Cinanya sompong-sombong, sebab ramai orang beli. Bila sudah petang, baru dia jual murah.*

*Sampai ke pasar makan barulah kurang orang. Ibu beli kuih untuk ayah dan adik. Saya minta air batu masuk plastik. Di sini penjual-penjual pun sibuk bertanya hendak beli apa. Kami pun pulang.*

- A) Karangan yang ditulis dengan menggunakan metode biasa :

**KESIBUKAN DI PASAR**

*Pasar didirikan oleh kerajaan untuk orang ramai membeli-belah. Pada tiap-tiap pagi saya selalu pergi ke pasar untuk membeli barang yang diperlukan oleh ibu saya untuk memasak. Pasar itu berdekatan dengan rumah saya di Joo Seng Road. Pasar itu dibuka pada pukul 7.00 hingga ke 12.00 tengah hari.*

*Bila saya tiba di sana saya terdengar suara orang tawar-menawar, budak menangis, orang ketawa terbahak-bahak. Keadaan di sini sangat bising. Pasar itu penuh dengan orang menjadi sesak.*

*Di sini terdapat berbagai jenis ikan, sayur-sayuran, rempah dan lain-lain lagi. Saya lihat orang-orang memegang ikan dan memerhatikan ikan-ikan dan sayur-sayuran yang hendak dibelinya. Harga barang-barang di situ tidak seberapa mahal.*

*Saya membeli dua tiga barang saja, seperti sayur, ikan, telur dan tauzih. Kalau hari Minggu barulah ibu saya pergi pasar, kadang-kadang dengan saya dan bapak saya. Kalau hari Minggu ibu beli banyak barang-barang. Jadi kalau hari lain, saya beli mana yang kurang saja. Sebab itu saya beli sedikit barang saja.*

Dari dua buah karangan yang menggunakan tajuk yang sama, dari dua orang murid darjah enam, yang satu menggunakan metode kekuatan pengecaman pancaindera dan yang satu lagi menggunakan metode biasa, kita dapat melihat betapa berbedanya dari segi isi dan juga approachnya. Dari tajuk, "Kesibukan di pasar", kita dapat melihat bahawa murid yang menggunakan metode pengecaman pancaindera, dapat membayangkan dengan agak teliti, kesibukan di pasar, dengan menggambarkan penjual dan pembeli tawar-menawar, seperti katanya: ". . . Bila masuk pasar saja saya dengar riuh suara orang. Di gerai ayam, penjualnya terpekkik-pekkik menyuruh kami membeli. Orang yang membeli pula, sibuk juga. Ada suruh bungkus kepak saja. Ada yang meminta peha saja. Oh, bukan main bising . . ."

Sebaliknya, dari karangan murid yang menggunakan metode biasa, dia hanya dapat menggambarkan kesibukan di pasar, dengan menyatakan: ". . . Bila saya tiba di sana saya terdengar suara orang tawar-menawar, budak menangis, orang ketawa terbahak-bahak. Keadaan di sini sangat bising. Pasar itu penuh dengan orang menjadi sesak . . ."

Dengan menggunakan metode pengecaman pancaindera ini juga, karangan murid itu, menggambarkan keadaan kesibukan di pasar dengan cukup jelas, satu persatu yang dilihat, yang didengar, yang dihidu, yang dirasa di-gambarkan dengan cukup jelas.. Berbeza dengan karangan murid yang menggunakan metode biasa.

Di bawah ini juga, kami turunkan dua buah karangan murid menengah satu. Yang pertama, murid bukan Melayu yang menggunakan pengecaman pancaindera, sedang yang satu lagi murid Melayu yang menggunakan metode biasa saja.

A) Karangan yang menggunakan kekuatan pengecaman pancaindera :

#### HARI PERTAMA DI SEKOLAH MENENGAH

*Bila kereta yang saya naiki sampai di Barker Road, saya nampak sekolah baru saya. Sekolah itu besar. Saya turun dari kereta dan menjalan ke dalam sekolah. Hati saya suka dan cemas kerana itu hari pertama di sekolah baru saya. Saya menampak murid-murid pagi besar-besar. Banyak kereta guru-guru petang berganti-ganti masuk sekolah. Bunyi bising kereta dan bas di tengah jalan besar boleh dengar juga.*

*Pukul satu loceng bunyi. Murid-murid pagi mengejar keluar sekolah dengan bising. Murid-murid petang masuk sekolah. Murid-murid menengah satu baru, disuruh masuk dewan beratur mengikut darjah-darjah kami. Bising di dalam dewan menjadi bertambah panas. Dan bau peluh kawan-kawan busuk kerana baru pergi main di padang.*

*Saya melihat dewan itu sangat besar. di satas dinding ada banyak nama-nama. Ada gambar dan nama-nama guru besar yang lama-lama. Ada nama ketua murid, ada nama sport kapten dan macam-macam nama lagi yang menang dalam dia punya bagian. Lepas ikrar ramai-ramai, guru besar beri ucapan. Dia suruh murid-murid belajar rajin-rajin dan ikut undang-undang sekolah. Lepas itu kami masuk kelas masing-masing.*

*Saya masuk kelas 1A. Ada banyak kawan tapi saya tak tahu mereka punya nama. Petang pukul 3.30 petang loceng bunyi, kami pergi ke kantin sekolah. Bunyi bising di sini. Ada bunyi orang bercakap. Ada bunyi pinggan. Ada bunyi penjaja berpekek-pekek. Kami kena beratur kalau hendak membeli makanan. Sampai di depan penjual mi, saya terbau macam-macam, ada yang sedap ada yang tidak. Sudah makan dan minum saya lekas-lekas pergi mencari kawan saya.*

*Bila loceng bunyi lagi, kami semua lekas melari ke kelas lagi. Hari itu tidak banyak belajar. Guru kami Mr. Tan yang mengajar English, suruh kami baca buku teks dari muka satu sampai 10. Mr. Tan beritahu siapa guru-guru kami yang mengajar sains, maths dan lain-lain. Dia kalau bercakap sangat pantas, kita mesti dengar betul-betul, kalau tidak tak tahu apa dia cakap. Hari itu kami banyak membaca buku sendiri. Semua orang senyap membaca buku. Pukul 6.00 petang, kami pulang. Murid-murid suka hati sebab kita balik lekas. Kereta saya telah menunggu saya, bau asap dan petrol masuk hidung saya membikin saya mabuk. Saya naik kereta lekas hendak pulang.*

B) Karangan yang menggunakan metode biasa :

### HARI PERTAMA DI SEKOLAH MENENGAH

Pada hari pertama saya tiba di sekolah menengah saya, saya berasa amat kekok kerana saya tidak biasa dengan sekolah itu. Lagipun tidak ramai kawan saya yang bersekolah yang sama. Sementara menunggu loceng berbunyi, saya duduk di kantin sekolah. Bila loceng berbunyi saya pun beratur.

Setelah kami beratur, penolong pengetua Encik Johari beri ucapan ringkas tetapi menarik. Setelah itu kami berikrar beramai-ramai. Lepas itu kami disuruh ke dewan.

Mula-mula pengetua, Encik Singh naik ke pentas, memberi ucapan ringkas dan cukup menarik. Kemudian Encik Johari mengenalkan guru-guru kepada kami. Lepas itu kami ke darjah masing-masing. Darjah kami senyap kerana kami tak kenal antara kami.

Guru darjah kami, Encik Yong mengenalkan diri. Pada pukul 3.30 petang loceng rehat berbunyi, saya dengan kawan-kawan ke kantin. Selepas makan, kami ke tempat letak kereta. Tak lama locent berbunyi, kami masuk ke kelas semula. Lepas itu Encik Yong membawa beramai-ramai ke bilik sains, ke khutub khanah, ke bilik lukisan dan ke bilik AVA. Masuk ke bilik kami semula sudah pukul 5.00 lebih. Hari itu tak belajar apa-apa. Petang pukul 6.00, kami pun pulang.

Dari dua buah karangan yang menggunakan metode mengajar yang berlainan. Satu dengan menggunakan metode pengecaman pancaindera dan yang satu lagi menggunakan metode biasa, jelas menunjukkan bahawa kelebihan isi karangan murid atau pelajar terdapat dalam metode mengajar karangan melalui metode kekuatan pengecaman pancaindera. Dalam karangan pertama "Hari Pertama di Sekolah Menengah", jelas pelajar tersebut menggunakan pengecaman pancaindera mata, telinga, hidung dan perasaannya, dia dapat menggambarkan keadaan sekolah barunya dari keadaan murid-murid, dewan sekolah, kantin dan guru darjahnya sendiri. Pengalaman hari pertama di sekolah barunya, ditulisnya dengan jelas dari pengamatannya. Berbeda dengan karangan yang kedua, isinya hanya menggambarkan sedikit dari apa yang seharusnya ditulisnya.

Dengan menggunakan bentuk ini, guru-guru secara tidak langsung, sentiasa mengajar para murid dan pelajarnya sentiasa berjaga-jaga dan waspada. Mereka sentiasa mahu mencatat apa yang dilihatnya, apa yang didengarnya, apa yang mungkin dihidunya dan apa yang dapat dirasa atau difikirkannya.

Dalam bentuk karangan ini, guru-guru boleh membuat latihan dengan membawa para murid atau pelajarnya ke suatu tempat, misalnya lapangan terbang. Sebelum pergi melawat ke tempat tersebut, guru telah membuat arahan supaya murid dan pelajarnya mencatat apa yang akan dilihat, didengar, dihidu, disentuh dan dirasanya.

Idea-idea yang mungkin tercatat di dalam daftar murid atau pelajar mengenai kunjungannya ke lapangan terbang begini :

yang dilihat	papan besar menunjukkan
ramai pelancong tiba	kapal terbang tiba
ramai juga pelancong berlepas	yang dirasa
ramai orang menghantar	rasa manisnya espal
ramai orang menjemput	rasa garingnya kentang goreng
banyak petugas	kopi panas menyentuh bibir
kapal terbang mendarat	manisnya coklat atau gula-gula
kapal terbang berlepas	pedasnya mi rebus
kereta sorong barang-barang bersusun-susun	lemaknya biskut
pegawai polis berkawal	yang didengar
pegawai kastam memeriksa barang-barang	bunyi riuh suara orang bercakap-cakap
pegawai imigrasi memeriksa pasport	bunyi enjin bas dan kereta terdengar juga enjin jet
pegawai syarikat kapal terbang sibuk bertugas	suara kanak-kanak menjerit-jerit
ada kedai menjual barang	suara anak kecil menangis
ada kantin	suara ibu memanggil anak mereka
papan besar menunjukkan kapal terbang berangkat	

yang didengar  
pengumuman kapal terbang berangkat  
pengumuman kapal terbang tiba  
pengumuman dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Cina  
bunyi hentakan orang berjalan  
yang dihidu  
bau minyak petrol  
bau asap kenderaan  
bau minyak wangi dari berbagai jenis

Mungkin banyak lagi perkara yang boleh dicatat. Dan dari catatan itu, murid atau pelajar sudah boleh menggunakananya untuk menuis karangan-nya. Lawatan-lawatan ke tempat lain boleh juga dilakukan proses yang sama. Melatih murid atau pelajar mencatat idea dan kemudian menggunakan idea itu untuk menuis.

Bukan sahaja dari lawatan yang boleh digunakan metode ini, akan tetapi karangan bentuk lain juga boleh dilakukan. Bagi murid atau pelajar menengah tiga atau empat, yang sering diberi tajuk bebas, misalnya mengenai peristiwa yang tidak boleh dilupakan. Dalam tajuk ini, misalnya seorang pelajar menuis tajuk, "Terperangkap di dalam lif".

Seorang pelajar, secara kebetulan telah mengalami terperangkap di dalam lif, dan dia ialah seorang yang telah biasa menggunakan pancaindernya untuk mengecam dan mengesan, tentu sekali dengan mudah dia dapat mengarang tajuk "Terperangkap di dalam lif". Akan tetapi seorang pelajar yang belum pernah mengalami peristiwa terperangkap di dalam lif, akan dapat juga mengarang karangan berjudul "Terperangkap di dalam lif" ini, dengan baik jika sentiasa melatih dirinya menggunakan pancaindera. Dengan kekuatan pancaindernya, dia akan dapat berimajinasi, seolah-olah dia terperangkap di dalam lif.

Di bawah ini, kami turunkan sebuah karangan pelajar menengah empat (tingkatan lima) yang sebenarnya belum pernah mengalami peristiwa "Terperangkap di dalam lif".

bau ayam panggang di KFC  
bau kentang goreng  
bau kehangatan kopit  
  
yang disentuh  
sejuknya besi-besi kerana di dalam lapangan yang berhawa dingin  
sejuknya dua belah tangan  
panasnya cawan kopit  
panasnya kentang goreng  
semua benda-benda yang disentuh didapati sejuk

## TERPERANGKAP DI DALAM LIF

Ketika saya sampai di depan lif tempat saya selalu naik, banyak orang sudah menunggu. Ada tiga orang budak lelaki Cina. Agak saya budak-budak itu P4, kerana mereka sudah besar. Ada seorang nyonya tua dengan satu budak perempuan kecil. Budak itu baru masuk sekolah, sebab di dadanya ada namanya. Ada makcik sebelah rumah saya dengan anak dia Ali. Ali pun baru masuk sekolah. Ada seorang apek tua. Dia ini hisap rokok pula, asapnya bau rokok Cina. Saya tak suka baunya. Tiga orang budak Cina tadi bising-basing bercakap apa dalam bahasa Cina. Tak lama datang pula dua budak besar satu Cina satu India.

Pintu lif terbuka. Belum orang keluar, tiga budak Cina tadi dah masuk. Dua perempuan Cina keluar, wah baunya wangi masuk ke hidung saya. Di belakang ada seorang lelaki Cina. Semua orang berebut masuk. Ketika pintu lif mahu tertutup rapat, tiba-tiba terbuka semula. Empat orang budak besar mahu masuk. Dua orang lelaki, dua orang perempuan. "Jangan masuk, sudah penuhlah!" saya dengar makcik marah. Dua orang budak perempuan tak masuk, tapi dua budak lelaki masuk juga.

Pintu lif tertutup. Makcik terus marah. Nyonya pun cakap dalam bahasa Cina, agaknya dia marah juga. Lif naik perlahan-lahan, tiba-tiba saya terasa macam tersendat-sendat. Dada saya berdebar, hati saya berkata, jangan-jangan lif rosak. Betul, sebentar lepas itu lif berhenti. "Aku bilang apa, bedebah ni masuk juga, masuk juga!" saya dengar makcik marah. Nyonya pun marah juga.

Sebentar itu lampu padam. Orang tua Cina tadi terus bercakap, agaknya dia marah buka-budak lelaki yang baru masuk. Saya dengar budak-budak itu cakap: "No power!".

Bau dalam lif yang gelap itu sudah macam-macam bau. Bau asap rokok apek. Bau nafas manusia dan bau-bau lain, susah rasanya hendak ambil nafas. Terdengar pula suara makcik marah anaknya Ali. "Nak kencing, kencinglah situ, tak tahu lif mati".

Degup jantung saya terasa pantas, bila loceng kecemasan ditekan budak-budak itu. Saya sangat takut, kerana inilah pertama kali, saya terperangkap di dalam lif. Walaupun lif itu begitu panas, tapi dua-dua belah tangan saya macam sejuk kerana peluh saya. Saya berdoa dalam hati supaya orang yang betulkan lif datang lekas.

*"Tadi kalau naik tangga dah sampai", sebut makcik. Budak-budak Cina terus bercakap dan sekejap mereka ketawa, macam tak ada apa-apa. Barangkali mereka tak takut. Barangkali mereka sudah biasa. Saya berfikir dalam hati. Saya tak tahu berapa lama sebenarnya, saya di dalam lif yang gelap itu. Barangkali sudah hampir satu jam, saya tak tahu, kerana saya tak dapat melihat jam tangan saya. Bila saya dengar orang bising-bising di luar, tidak lama lepas itu pintu dibuka. Budak-budak Cina tadi bersorak pula bila keluar. Ali lekas berlari, barangkali dia hendak terkencing. Makcik masih marah-marah. Saya segera naik tangga hendak balik rumah. Peristiwa ini, susah hendak saya lupakan. Nanti saya akan ceritakan kepada keluarga saya.*

Peristiwa serupa ini, misalnya tersalah naik bas, tersesat jalan, terdampar di sebuah pulau yang sunyi, akan dapat ditulis dengan isi yang baik, jika digunakan kekuatan pengecaman pancaindera juga. Kerana pancaindera manusia itu seolah-olah seperti satu alat elektronik yang sensitif untuk mengesan semula sesuatu yang sudah di alami atau dapat juga menggambarkan sesuatu secara imaginasi.

Untuk mengarang satu tajuk dalam kelas pra-universiti 2 (tingkatan enam atas) yang memerlukan fakta, misalnya: "Peranan wanita dalam masyarakat yang sedang membangun", kami kira kekuatan pengecaman boleh juga menolong seseorang pelajar itu mendapatkan isi yang baik.

Pelajar itu misalnya dapat melihat dan mengingat hal-hal yang berlaku di sekitaran tempat tinggalnya. Apa yang dilihatnya mungkin, kaum lelaki aktif tetapi wanita tidak. Dia melihat kaum lelaki (bapa atau suami) yang tidak menggalakkan anak atau isteri mereka aktif. Dia juga mungkin melihat wanita-wanita yang sudah bersuami, apatah lagi yang sudah mempunyai anak, yang pada satu ketika aktif, tetapi kemudiannya mengundurkan diri. Di rumah mungkin dia pernah melihat atau mendengar, wanita-wanita atau isteri-isteri tidak menggalakkan suami mereka aktif. Atau mungkin ibu-ibu atau isteri-isteri yang aktif di dalam persatuan tidak dapat membahagikan waktunya untuk persatuan dan keluarga sehingga keadaan rumah berantakan. Dan mungkin banyak lagi yang didengarnya atau dipelajarinya yang boleh menjadi bahan renungan melalui pancaindernya.

Dari pengamatan pancaindernya itu mungkin dapat didaftarkan idea-idea ini :

- \* wanita harus sama-sama aktif seperti kaum bapa,

- \* wanita Islam harus cari aktiviti yang sesuai,
- \* kaum lelaki harus membenarkan anak atau isteri mereka aktif (yang sesuai dengan agama Islamnya)
- \* jika tidak boleh aktif di luar, mungkin boleh aktif mendidik dan mengawal anak,
- \* wanita tidak seharusnya membuang-buang waktu malah membuat sesuatu yang berfaedah,
- \* Isteri harus menggalakkan suami aktif
- \* wanita harus belajar mengatur kira-kira perbelanjaan rumah tangga,
- \* wanita yang aktif, harus dapat bagi-bagi waktunya untuk persatuan untuk anak dan untuk suami,
- \* negara membangun memerlukan ibu atau isteri yang boleh menolong keluarga,
- \* wanita ialah tenaga pendorong yang amat berkesan,

#### Penutup

Metode mengarang dengan menggunakan kekuatan pancaindera ini, seperti kami terangkan dalam halaman yang lebih awal, bukan sahaja menjadikan penulisnya yakni pelajar-pelajar dapat mengisi karangannya dengan isi

yang padat, bahkan karangannya hidup. Selain itu, para pelajar juga dengan sendirinya dilatih menjadi orang yang sentiasa bersedia dan waspada. Yang akhir, berdasarkan pengalaman menulis tulisan kreatif, akan menolong para pelajar menjadi penulis atau melatih para pelajar menjadi penulis, kerana seseorang penulis sentiasa melihat, mendengar, menghidu, merasakan dan memikirkannya sebelum mereka menulis tulisan kreatifnya.

## Pertanyaan Bahasa

### Pertanyaan Mengenai Bahasa

Dari pengumuman yang kami lakukan dalam keluaran SEKATA yang lalu mengenai ruangan 'Pertanyaan Mengenai Bahasa' nampaknya banyak juga sambutan yang kami terima. Akan tetapi kami masih mengalu-alukan pertanyaan-pertanyaan untuk dimuat di dalam keluaran yang akan datang. Di bawah ini kami turunkan dua pertanyaan dengan jawaban kami. Semoga ruangan ini bukan saji memberikan penjelasan kepada orang perseorangan yang bertanya, bahkan berguna juga kepada pembaca yang lain. (E)

### KATA GANDA BERTINGKAH

#### Pertanyaan

Sepanjang yang saya tahu bahawa kata ganda bertingkah itu ialah dua kata yang digabungkan menjadi satu dengan dipisahkan oleh tanda sempang dan dengan syarat dua kata itu bertingkah antara satu dengan lain. Baru-baru ini, saya dengar ada setengah-setengah kata ganda bertingkah dianggap bukan kata bertingkah, sedang sepanjang yang saya tahu dan juga ramai guru memahami bahawa kata tersebut merupakan kata ganda bertingkah. Kata-kata yang saya maksudkan itu misalnya: **kampung-halaman; sunyi-sepi; tanggelam-timbul** dan lain-lain lagi. Diharap dapat kiranya tuan terangkan.

Abd Aziz Abd Rahman  
Pearl Bank Primary

#### Jawaban:

(a) Kata ganda bertingkah atau disebut juga sebagai kata ulang tingkah hendaklah difahamkan dari dua konsep. Pertama pembentukan kata ganda bertingkah terjadi dari dua kata dengan dipisahkan oleh tanda baca sempang. Kedua, kata ganda bertingkah terdiri dari satu morfem bebas

dan satu morfem terikat atau dengan perkataan lain, satu kata boleh berdiri sendiri atau mempunyai makna sedang satu kata lagi tidak boleh berdiri sendiri atau tidak mempunyai makna. Sebagai contoh, kami turunkan kata ganda bertingkah ‘gunung-ganang’. Dalam kata ganda bertingkah ini, kata ‘gunung’ boleh berdiri sendiri atau mempunyai makna tertentu, misalnya dalam ayat ini: Di Singapura tidak ada gunung’, akan tetapi jika kita gantikan kata ‘gunung’ dalam ayat tersebut dengan kata ‘ganang’, maka ayat tersebut menjadi: ‘Di Singapura tidak ada ganang’. Orang tidak akan faham ayat ini, kerana kata ‘ganang’ tidak boleh berdiri sendiri, melainkan ia harus dibantu oleh kata ‘gunung’.

Dari contoh yang saudara beri: ‘kampung-halaman; sunyi-sepi dan tenggelam-timbul’, semuanya memang bukan kata ganda bertingkah, kerana kata-kata itu semuanya terdiri dari dua morfem bebas atau dari dua kata yang mempunyai makna yang berlainan atau seerti antara satu dengan yang lain. Kita ambil kata ‘kampung-halaman’, sebagai contoh. Kata ‘kampung’ mempunyai makna yang seerti dengan desa dan kata ‘halaman’ mempunyai makna tanah di muka rumah atau disebut juga sebagai pekarangan. Makna yang lain ialah muka surat. Dari pembentukan kata ganda bertingkah, kata ‘kampung-halaman’ jelas bukan kata ganda bertingkah kerana kata ini terdiri daripada dua morfem bebas atau dua kata yang tiap satunya mempunyai makna. Sebaliknya, kata-kata ‘kampung-halaman’ adalah frasa nama yang bentuk asalnya ialah ‘kampung dan halaman’. Pembentukannya sama dengan ‘suami isteri’ yang berasal dari ‘suami dan isteri’. Demikian pula dengan kata ‘sunyi-sepi’ dan ‘tenggelam-timbul’ adalah frasa keadaan yang berasal ‘sunyi dan sepi’ dan fra keadaan yang berasal ‘tenggelam dan timbul’ atau ‘tenggelam atau timbul’.

(b) Jika kita sudah jelas bahawa kata-kata itu bukan kata ganda bertingkah, malah berasal dari frasa, maka dari segi ejaan salah sekali dieja dengan membubuh sempang antaranya. Untuk mengejanya yang betul ialah kampung halaman; sunyi sepi dan tenggelam timbul.

## KATA MAJMUK

### Pertanyaan

Ada dua pertanyaan yang saya ingin ajukan mengenai kata majmuk.  
(1) Apakah ciri-ciri kata majmuk dan (2) Mengapa ada kata majmuk yang

dieja dengan disatukan seperti ‘keretapi’ sebaliknya ada kata majmuk yang dieja dengan dipisahkan seperti ‘kapal terbang’.

Chailani bin Hj Abd Rahman  
Chong Boon Primary  
Singapore 2056

### Jawaban:

(1) Ada dua ciri kata majmuk; pertama kata majmuk yang terdiri dua morfem bebas, seperti ‘kereta’ dan ‘api’ menjadi ‘keretapi’; ‘bumi’ dan ‘putera’ menjadi ‘bumiputera’ dan lain-lain lagi. Perhatikan, kata-kata ‘kereta’ dan ‘api’ yang setiap satu itu mempunyai makna yang tertentu, apabila digabungkan makna asalnya lebur lalu bertukar menjadi satu makna baru iaitu ‘keretapi’. Demikian pula dengan kata-kata ‘bumi’ dan ‘putera’ yang masing-masing mempunyai makna khusus, apabila digabungkan kedua-dua makna asal itu lebur dan menjadi satu makna baru iaitu ‘bumiputera’ yang bermaksud penduduk asli sesebuah negara. Ciri kedua kata majmuk yang terdiri dari dua morfem bebas dan satu morfem terikat atau dua morfem terikat, seperti (ber + kuat + kuasa), makna dua morfem bebas ini apabila digabungkan sudah bertukar sama sekali. Demikian pula dengan bentuk kata majmuk yang terdiri dari dua morfem bebas dan dua morfem terikat, seperti (ke + tidak + adil + an) menjadi ‘ketidakadilan’ yang makna asalnya bertukar menjadi satu makna baru.

(2) Mengenai pertanyaan kedua tentang mengapa ada kata majmuk yang dieja dengan disatukan seperti ‘keretapi’ dan ada pula kata majmuk seperti ‘kapal terbang’ dieja dengan dipisahkan, keterangan kami adalah seperti berikut:

(a) Menurut Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia (PUEBM) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang dikeluarkan pada tahun 1975, yang terdapat pada halaman 22 dan 23, khususnya keterangan D (5) tidak menyebut kata majmuk, malah mereka menyebut sebagai ‘Gabungan Kata’, dengan keterangan yang berbunyi: “Gabungan kata yang sudah dianggap sebagai satu kata ditulis serangkai. Misalnya: akhirulkalam, alhamudillah, antarabangsa, apabila, bagaimana, barangkali, bismillah, bumiputera . . .” dan lain-lain lagi. Dan dalam keterangan D (1) di halaman yang sama pula, terdapat keterangan yang berbunyi: “Gabungan kata yang lazim disebut rangkaikata, termasuk istilah khusus, bahagian-bahagiannya umumnya ditulis terpisah. Misalnya: bujur sangkar,

duta besar, segiempat panjang, kambing hitam . . ." dan lain-lain. Dari keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia membuat keputusan tentang kata majmuk ada yang ejaaannya disatukan dan ada ejaaannya dipisahkan berdasarkan sesuatu yang sudah biasa dan tidak biasa.

Berdasarkan Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (DERBM) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1981, yang juga telah diresmikan penggunaanya di Singapura, dalam lampiran 1, yang terdapat di halaman 351 hingga 354 (Disebut juga sebagai: Daftar Gabungan Kata umum yang ditulis sebagai satu perkataan) yang kami fikir, bahawa kata-kata itu sudah dianggap sebagai sudah biasa dieja sebagai disatukan. Ini bererti bahawa kata-kata yang tidak termasuk di dalam daftar lampiran tersebut belum biasa; bilik air, bilik makan, bilik tidur, rumah sakit, rumah rehat, rumah makan, bola sepak, bola jaring, bola keranjang, bola tampar dan lain-lain lagi, maka itu cara mengejanya haruslah dipisahkan.

(b) Jawapan kami dalam hal ini, selagi jawatankuasa Majlis Bahasa Indonesia dan Malaysia dan ahli-ahli bahasa belum dapat menetapkan ciri-ciri yang jelas mengenai kata majmuk, maka selagi itu persoalan ini akan belum dapat terjawab.

Disusun oleh  
Suratman Markasan

### Senarai kata umum yang sering disalahejakan

Salah	Betul
bagitu	begitu
binte	binti
cocok	cucuk
colek	culik
deraf	draf
dinamis	dinamik
disel	diesel
durhaka	derhaka
injin	enjin
justru	justeru
sabsidi	subsidi
taligram	telegram
talikom	telekom
talivisyen	televisyen
teket	tiket
tekstail	tekstil
tiori	teori
trajedi	tragedi
tulin	tulen
tuntun	tonton
samudra	samudera
sekelian	sekalian
sibar	sebar (tabur)
siksa	seksa
simak	semak (periksa)
skendal	skandal
serbanika	serbaneka
ujud	wujud
yunit	unit
zohor	zuhur
anak beranak	anak-beranak
bertunggu-bertangga	bertunggu-tangga
bomtangan	bom tangan

## Salah

dedaun  
dedahan  
ibubapa  
ibukota  
hingar bingar  
jamtangan  
kampung-halaman  
juru-juru rawat  
kelabmalam  
kereta api  
masaalah  
masakini  
mondar-mandir  
piringhitam  
remok-rendam  
sunyi-sepi  
surat-menjurati  
tegoran  
tenggelam-timbul  
ulamak

## Betul

daun-daun  
dahan-dahan  
ibu bapa  
ibu kota  
hingar-bingar  
jam tangan  
kampung halaman  
jururawat-jururawat  
kelab malam  
keretapi  
masalah  
masa kini  
mundar-mandir  
piring hitam  
remuk-redam  
sunyi sepi  
surat-menjurat  
teguran  
tenggelam timbul  
ulama

# ANTARA KELUARAN YANG AKAN DATANG

“... Bagi orang-orang yang ingin turut dalam bidang pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu ke arah kesempurnaan, maka sebutan baku bahasa Melayu harus ditentukan atas sesuatu dasar yang bersifat ilmiah. Usaha sebenarnya telah dimulakan sejak lama dahulu. Pertukaran pikiran dan perdebatan tentang soal ejaan dan sebutan telah berlaku sebelum zaman kemerdekaan lagi. Sebagai kemuncak daripada pertukaran pikiran dan perdebatan dalam media massa dan dalam musyawarah badan-badan bahasa dan sastera di sana sini, maka pada tahun 1956 diadakan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga. Kongres ini sesungguhnya amat penting dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu, kerana dalam Kongres inilah diambil beberapa keputusan yang menentukan arah perkembangan bahasa itu pada masa depan ...”

Demikian antara lain, pendapat Asraf dalam rencananya: SEBUTAN BAKU BAHASA MELAYU BERDASARKAN PRINSIP FONEMIK.

## PEMBETULAN

Dalam keluaran SEKATA bilangan yang kedua terdapat beberapa kesilapan ejaan dan beberapa kesilapan yang lain. Atas kesilapan tersebut, kami sidang editor memohon maaf. Sebagai pembetulan di bawah ini, kami turunkan yang benar.

Halaman	Dicetak	Yang Benar	Halaman	Dicetak	Yang Benar
32 & 33	Terdapat rajah pembinaan ayat-ayat.	Rajah-rajah tersebut seharusnya ada di halaman 33, selepas ayat yang berbunyi: "... Struktur dalamnya ialah: ..." (Baris 5 dari atas).	57 para 3	liwat	lewat
42 & 43	Di halaman 43, selepas para 3, terdapat tanda asterisk, kemudian terdapat tulisan dengan huruf-huruf kecil yang berbunyi: "Kertaskerja yang disampaikan dalam Seminar Pengajaran Bahasa Melayu yang diadakan". (Tulisan tersebut seharusnya tidak terdapat di halaman 42, akan tetapi di halaman 43, seperti yang terdapat di ruangan sebelah secara lengkap.)	Seharusnya di halaman 42, di baris bawah sekali sebagai nota kaki terdapat: * Kertas-kerja yang disampaikan dalam Seminar Pengajaran Bahasa Melayu yang diadakan di Institut Pendidikan, Bukit Timah, Singapura, pada 24 dan 25 April 1982."	89 para 1	liwat	lewat
56 para 4, 5 dan 6	liwat	lewat			

Perhatian kepada saudara-saudari pembaca SEKATA,

Jurnal SEKATA diterbitkan dua kali setahun, yaitu pada bulan-bulan Jun dan Disember. Setiap keluaran dicetak sebanyak seribu naskah dan diberi percuma kepada guru, peminat bahasa, wartawan, penulis dan pemimpin. Setelah dua keluaran, kami mendapat pandangan, bahawa baik sekali Jurnal SEKATA dijual, supaya orang-orang yang tidak dapat kiriman tersebut, dapat membelinya di pasaran. Selain itu, oleh kerana tujuan SEKATA, hendak menyelaraskan penggunaan bahasa dan ejaan, maka amatlah baik jika dicetak lebih daripada seribu naskah dan dijual di pasaran.

Untuk tujuan tersebut, kami ingin mendapat kerjasama dari saudara-saudari pembaca, memberi pendapat saudara-saudari dengan mernenuhkan borang pertanyaan di bawah ini dan kirimkan kembali kepada:

Sdr Setiusaha Kehormat  
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura  
Kementerian Perhubungan dan Penerangan  
Dewan Bandaraya, St. Andrew's Road  
Singapore 0617.

Soal. Adakah anda mendapat Jurnal SEKATA bilangan 1 dan 2?

Jawab. ....

Soal. Jika ya atau tidak, inginkah anda mendapatkan bilangan selanjutnya dengan cara membelinya di pasaran?

Jawab. ....

Soal. Berapakah harga Jurnal SEKATA? Menurut pendapat anda.

Jawab. ....

Apakah pendapat anda mengenai cadangan di atas?

Jawab. ....

T.T. ....

alamat: ....

.....

## PENGUMUMAN

Kami mempersilakan saudara-saudara mengirim sumbangan esei, pendapat, pengalaman mengajar bahasa, pandangan terhadap sesuatu buku bahasa, pertanyaan bahasa atau hal-hal lain yang sehubung dengannya kepada kami.

Tulisan-tulisan sebaiknya jika ditarik langkah dua, bagaimanapun tulisan tangan yang mudah dibaca diterima juga.

Tulisan-tulisan tersebut boleh dikirim kepada salah satu daripada dua alamat di bawah ini.

Ketua Editor SEKATA,  
67, Toh Tuck Road  
Singapura 2159.

atau

Setiausaha Kehormat  
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura,  
Kementerian Perhubungan & Penerangan  
Dewan Bandaraya  
St. Andrew's Road,  
Singapore 0617.

Pengerusi  
dan  
Para Anggota  
Jawatankuasa Bahasa Melayu  
Singapura  
Mengucapkan  
**SELAMAT HARI RAYA**  
**AIDILFITRI**  
**Syawal 1405**

